

D177

B B537 AAB

MAHATHIR - ISLAM (PEMBETULAN PARA EMPAT) RRR

(I)

KUCHING, 23 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMINTA NEGARA-NEGARA ISLAM MEMPERTINGKAT DAN MENGUKUHKAN KERJASAMA SERTA BERSAMA-SAMA DALAM MENGGUNAKAN SAINS DAN TEKNOLOGI KE ARAH PENYELESAIAN BANYAK MASALAH UMMAH DAN DUNIA ISLAM.

+KITA PERLU MENILAI SEMULA KEUPAYAAN KITA DAN MENGENALPASTI KELEMAHAN KITA KHUSUSNYA KECETAKAN PENGETAHUAN DALAM PENGAMALAN SAINS DAN TEKNOLOGI,+ KATA PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT KELAPAN YAYASAN ISLAM BAGI SAINS, TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN (IFSTAD) DI SINI.

BELIAU BERKATA SERINGKALI UMAT ISLAM MEMPUNYAI SIKAP YANG SALAH TERHADAP SAINS, KADANG-KALA MENGANGGAPNYA SEBAGAI SESUATU YANG ASING DAN BERBAHAYA.

KATANYA, MEREKA MENGANGGAP PENYELIDIKAN DALAM SAINS SEBAGAI ANTIAGAMA (ULANG ANTIAGAMA) DAN EKORANNYA MEREKA TIDAK DIKENALI SEBAGAI ORANG YANG MENGAMALKAN SAINS DALAM HIDUP SEHARIAN.

SEMUA ANGGAHAN YANG SALAH ITU PERLU DIKETEPIKAN JIKA UMAT ISLAM INGIN MENIKMATI FAEDAH DARIPADA SAINS, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA PENEMUAN-PENEMUAN SAINTIS BARAT TELAH MEMPERKAYAKAN SERTA MENJADIKAN NEGARA MEREKA BERKUASA DAN KINI NEGARA-NEGARA ISLAM TERPAKSA MEMBAYAR DENGAN HARGA YANG TINGGI UNTUK BARANGAN YANG DIHASILKAN DARIPADA PENEMUAN-PENEMUAN ITU KHUSUSNYA DALAM BIDANG PERTAHANAN. -- LAGI.

1535MST 23 02 87

U B529 AAB

MAHATHIR - ISLAM 2 KUCHING RRR

(I)

+OLEH KERANA KITA BERBUAT DEMIKIAN, KITA BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA APA YANG DIPANGGIL TEKNOLOGI BARAT DAN KITA TIDAK BERDAYA BERBUAT APA-APA MENENTANG MEREKA,+ KATANYA.

BEGITULAH KEMAJUAN SAINTIS BARAT SEHINGGAKAN SEMUA ASPEK HIDUP +DIKUASAI ATAU SEKURANG-KURANG DIPENGERAHUI OLEH KEPANDAIAAN MEREKA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA ISLAM MUNGKIN MENYALAHAI DAN MENGUTUK DUNIA BARAT TERHADAP KUASA YANG MEREKA PEROLEHI MENERUSI SAINS DAN TEKNOLOGI TETAPI +KITA TIDAK BOLEH BERKATA KITA TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN LANGSUNG.+

+KITA MEMPUNYAI SEBAHAGIAN KEPERLUAN TETAPI KITA MASIH MEMPERTIKAIKAN UNTUK MENDAPAT PENGETAHUAN SAINS DAN TEKNOLOGI, KITA JUGA MASIH BERCAKAP MENGENAI APA ITU SEKULAR DAN APA YANG BUKAN SEKULAR PADA PERBINCANGAN DALAM BILIK BERTAWA DINGIN YANG DITERIANGI CAHAYA ELEKTRIK DAN PERALATAN PEMBESAR SUARA DAN KEINDAHAN SENIBINA.

+DEMI ISLAM HENTIKANLAH POLIMIK YANG TIDAK BERMAKNA DAN TERUSKAN USAHA DALAM PELAJARAN DAN PENYELIDIKAN DENGAN TUJUAN UNTUK MEMPEROLEHI PENGETAHUAN,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1506MST 23 02 87

U B530 AAB
MAHATHIR - ISLAM 3 KUCHING RRR

(I)

BELIAU BERKATA PENGETAHUAN TIDAK HARUS DIKUTUK SEMATA-MATA KERANA ADA BAHAGIANNYA YANG TIDAK BAIK DAN BERLAWANAN DENGAN AGAMA.

KEMELESETAN EKONOMI YANG BERPANJANGAN DAN ARAH ALIRAN POLITIK YANG TIDAK MENENTU SERTA MASALAH NANIS DADAH, PENGANGGURAN, KEJATUHAN HARGA KOMIDITI DAN PETROLEUM, PENINGKATAN DASAR PERLINDUNGAN DAN MASALAH HUTANG SEKURANG TELAH MENJEJASKAN NEGARA-NEGARA ISLAM, KATANYA.

OLEH ITU KERJASAMA SESAMA NEGARA ISLAM DALAM MEMPEROLEHI PENGETAHUAN SAINS DAN TEKNOLOGI DIANGGAP SEBAGAI SEMAKIN PERLU DARIPADA MASA LEPAS.

+KITA MESTI MEMPERGIATKAN USAHA MENGUKUKKAN KERJASAMA KITA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI UNTUK MEMINIMUMKAN KOS DAN BERKONGSI FAEDAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AKAN TERUS MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA ISLAM DALAM PELBAGAI LAPANGAN YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN BERSAMA. -- LAGI.

1511MST 23 02 87

0169

U B533 AAB
MAHATHIR - ISLAM 4 KUCHING RRR

(I)

PERDANA MENTERI JUGA MENGULANGI SOKONGAN MALAYSIA TERHADAP OBJEKTIF, FUNGSI DAN AKTIVITI-AKTIVITI IFSTAD DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI YANG PERLU UNTUK PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI UMAT ISLAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN AGAR SEMUA NEGARA ANGGOTA IFSTAD MENJADIKANNYA SEBAGAI DASAR KEBANGSAAN DALAM MEMUPUK SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM MERANGKA DAN MELAKSANAKAN RANCANGAN SOSIO EKONOMI MASING-MASING.

+KITA JUGA MENYOKONG INSTITUSI-INSTITUSI PENYELIDIKAN YANG ADA DI NEGARA-NEGARA ANGGOTA DAN MEMBANTU KEGIATAN PENYELIDIKAN MEREKA YANG DIJALANKAN OLEH SAINTIS ISLAM,+ KATANYA.

BELIAU MENAMBAH, BIDANG-BIDANG KHUSUS HARUS DIKENAL PASTI DAN DIBERIKAN KEUTAMAAN KE ARAH MEWUJUDKAN TEKNOLOGI ASAL YANG ISTIMEWA KEPADA DUNIA ISLAM.

KATANYA, KERAJAAN MALAYSIA AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN MORAL DAN POLITIK KEPADA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) DAN AGENSI-AGENSINYA.

MESYUARAT DUA HARI ITU AKAN MEMBINCANG DAN MENGADAKAN RANCANGAN KE ARAH PEMUPUKAN SAINS DAN TEKNOLOGI DI DUNIA ISLAM. -- BERNAMA.

1520MST 23 02 87